

Bahaya 'orang ketiga'

Masalah rumah tangga perlu diselesaikan sendiri pasangan suami isteri tanpa membabitkan orang lain

Oleh Noriah Idris

noriah@hmetro.com.my

JIKA menghadapi masalah rumah tangga, jangan sesekali mencari penyelesaian dengan bercerita kepada 'orang ketiga'. Ini yang sering menjadi punca rumah tangga menuju kehancuran.

"Apabila pasangan suka bercerita kepada teman sepejabat atau orang lain, akan timbul masalah di kemudian hari dan boleh membawa bercerai-berai," kata pensyarah kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nik Salida Suhaila Nik Salleh.

Beliau berkata, kehidupan hari ini menuntut keperluan material sehingga memaksa isteri bekerja atas dasar membantu mengurangkan beban suami.

Katanya, isteri harus berkongsi segala-galanya dengan suami kerana dalam menggalas tanggungjawab di rumah, kepercayaan dan perkongsian itu harus wujud antara pasangan.

"Sepatutnya, tiada rahsia di antara pasangan. Rasa percaya juga harus ditanam di jiwa masing-masing dengan penuh ikhlas.

"Justeru, apabila berlaku masalah, elak bercerita kepada orang ketiga kerana mungkin timbul simpati pihak ketiga yang akan mengambil kesempatan terhadap apa yang berlaku.

"Ada kes yang berlaku, orang ketiga yang bersimpati menjalin hubungan sulit dengan pengadu sehingga mencetus masalah lebih rumit," katanya.

Menurut beliau, Nabi Muhammad s.a.w pernah menghadapi cabaran getir ketika isterinya, Aisyah difitnah berlaku curang oleh golongan munafik sehingga Allah memberi keterangan terhadap peristiwa itu.

Begitu juga Rasulullah pernah menghadapi konflik apabila berlaku persengketaan dan cemburu antara isterinya namun ditangani dengan bijaksana.

Nik Suhaila berkata, cinta adalah sebahagian daripada fitrah manusia dan ia ada dalam diri setiap insan.

Katanya, bercinta tidak salah jika diniatkan untuk menuju alam perkahwinan.

Bagaimanapun, hakikat percintaan dalam rumah tangga ada kalanya tidak sama. Impian dibina untuk hidup bersama ada kalanya diuji dengan pelbagai cabaran yang menggugat kebahagiaan.

"Jika kita tanam sikap bahawa perkahwinan satu ibadat dan mendapat ganjaran pahala di akhirat, pasangan itu harus tahu batasannya.

"Justeru, dalam melayari kebahagiaan hidup berumah tangga, kebijaksanaan dalam pengurusan masa penting. Sebibuk mana isteri yang bekerja, mereka harus ada masa untuk rumah tangga.

"Tidak ada suami suka melihat rumah tangganya berse-



Jika kita tanam sikap bahawa perkahwinan satu ibadat dan mendapat ganjaran pahala di akhirat, pasangan itu harus tahu batasannya"

>Nik Salida Suhaila
Nik Salleh
Pensyarah kanan Fakulti
Syariah dan Undang-
Undang, Universiti Sains
Islam Malaysia

pah. Ini kerana mengemas rumah menjadi kewajipan seorang isteri," katanya.

Nik Suhaila berkata, isteri tidak 'wajib' bekerja kerana tugas mereka lebih penting mengurus rumah tangga.

Menurutnya, dalam menjalani tuntutan rumah tangga, suami isteri perlu banyak menimba ilmu termasuk pengajian agama supaya masing-masing mendapat keberkatan.

"Kebijaksanaan pasangan meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai sunnah dan sirah Rasulullah pasti dapat dijadikan panduan menangani masalah rumah tangga.

"Jangan buka pekung dalam perkahwinan dengan mengaibkan pasangan atau membuka ruang untuk orang lain mengambil kesempatan," katanya.

Ditanya sejauh mana usaha mengekalkan rumah tangga itu perlu, katanya setiap pasangan perlu membuat pilihan secara bijak.

"Pilihlah seseorang yang berilmu kerana ia menjamin kebahagiaan hidup.

"Selain bertolak ansur, pastikan pasangan anda ada agama untuk isteri bergantung harapan," katanya.

Selain itu, Nik Salida turut menyarankan, pemilihan paras rupa juga penting selain nilai sekutu lain yang menjadi impian setiap wanita inginkan lelaki tampan manakala lelaki pula mahukan wanita cantik dan berketrampilan.



BAHAGIA... biarlah rasa cinta antara pasangan dimanifestasikan dengan nilai positif.